

TIPOLOGI PROTOKOL PEMILIHAN KARYA SASTERA DALAM PEMBELAJARAN BIDANG ESTETIKA BAHASA KADAZANDUSUN

Henry Bating*¹,
Rosy Talin²,
Mohd Khairuddin @ Jerry Abdullah²
Musirin Mosin²

ABSTRAK

Kepelbagaian indikator pemilihan karya sastra dalam pembelajaran bahasa menimbulkan kekeliruan dalam menentukan bahan yang sesuai untuk pembelajaran Bidang Estetika (BE) bahasa Kadazandusun di sekolah peringkat menengah atas. Demi mengatasi kekeliruan itu, rangkuman indikator dan sub-indikator dari pelbagai sumber kepustakaan dan temu bual dijalankan. Tinjauan kepustakaan umum dan kepustakaan khusus Kadazandusun dijalankan untuk memperoleh data-data naratif indikator dan sub-indikator. Manakala temu bual diadakan dengan guru-guru bahasa Kadazandusun untuk mendapatkan maklum balas berbentuk data naratif tentang kaedah yang mereka gunakan untuk memilih karya sastra. Berdasarkan data-data naratif indikator dan sub-indikator yang diperoleh, rangkuman dijalankan dengan menggunakan kaedah *Conventional Content Analysis (CCA)*. Analisis dijalankan untuk mengkategorikan tema-tema indikator dan sub-indikator. Rangkuman yang dihasilkan dari analisis CCA dibangun menjadi Tipologi Protokol Pemilihan Karya (TPPK) sastra Kadazandusun. Hasil rangkuman menunjukkan terdapat enam (6) indikator dan 133 sub-indikator dalam TPPK. Enam indikator itu terdiri daripada bahasa, sastra, guru, pelajar kurikulum dan budaya masyarakat. Sementara 133 sub-indikator terangkum dalam indikator bahasa (16), sastra (36), guru (35), pelajar (24), kurikulum (9) dan budaya masyarakat (13). Berdasarkan pengkategorian tema dari sumber kepustakaan khusus dan temubual guru, maka indikator dan sub-indikator TPPK memiliki kontekstualiti sebagai kriteria pemilihan karya sastra untuk pembelajaran BE bahasa Kadazandusun. Seterusnya TPPK digunakan untuk menganalisis kandungan karya sastra Kadazandusun genre puisi dan prosa untuk memilih karya yang sesuai sebagai bahan pembelajaran BE bahasa Kadazandusun di sekolah peringkat menengah atas.

Kata kunci: Estetika, Indikator, Kadazandusun, Kontekstual, Sastra

ABSTRACT

The diversity of indicators for selecting literary works in language learning creates confusion in determining suitable materials for teaching the Aesthetic Field (BE) of the Kadazandusun language at the upper secondary level. To address this confusion, a synthesis of indicators and sub-indicators from various sources of literature review and interviews was conducted. A general literature review and specific Kadazandusun literature were carried out to gather narrative data on the indicators and sub-indicators. Interviews were conducted with Kadazandusun language teachers to obtain narrative feedback regarding the methods they use to select literary works. Based on the narrative data obtained from the indicators and sub-indicators, a synthesis was conducted using the Conventional Content Analysis (CCA) method.

The analysis was performed to categorize the themes of the indicators and sub-indicators. The synthesis resulting from the CCA analysis was developed into the Kadazandusun Literary Work Selection Protocol Typology (TPPK). The synthesis revealed that there are six (6) indicators and 133 sub-indicators in the TPPK. These six indicators consist of language, literature, teachers, students, curriculum, and community culture. Meanwhile, the 133 sub-indicators are categorized under the language (16), literature (36), teacher (35), student (24), curriculum (9), and community culture (13) indicators. Based on the categorization of themes from the specific literature sources and teacher interviews, the indicators and sub-indicators of the TPPK possess contextuality as criteria for selecting literary works for teaching the BE of the Kadazandusun language. The TPPK is then used to analyse the content of Kadazandusun literary works in the genres of poetry and prose to select suitable works as teaching materials for the BE of the Kadazandusun language at the upper secondary level.

PENGENALAN

Pengajaran bahasa Kadazandusun di sekolah bertujuan untuk melestarikan bahasa ibunda. Pelestarian bahasa ibunda dapat memperluas penggunaan bahasa etnik di samping memberi implikasi kognitif kepada pelajar berbahasa minoriti untuk mencapai prestasi terbaik dalam persekolahan di peringkat menengah (Thomas & Collier, 1997). Menerusi penguasaan bahasa ibunda, pelajar dapat memindahkan keupayaan kognitif dari bahasa etnik ke bahasa kebangsaan atau bahasa lain yang dipelajari (Baker, 1996). Berdasarkan implikasi positif keupayaan kognitif itu, bahasa etnik dalam kurikulum di Malaysia turut melibatkan pelajar etnik lain. Demikian juga bahasa Kadazandusun, pembelajarannya di sekolah turut melibatkan pelajar etnik lain serta penutur pelbagai sub-bahasa Dusunik, Paitanik dan Murutik (Asmah, 1987; Smith, 2003).

Pembelajaran Bahasa Kadazandusun Sekolah Menengah menempatkan modul tiga bidang utama yang meliputi Bidang Interpersonal (BI), Bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BICK) dan Bidang Estetika (BE). Pengajaran tiga bidang itu dijalankan secara modular dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Pembelajaran BI bertujuan untuk memberi pelajar kemahiran berkomunikasi sesama rakan dan masyarakat umum. Pembelajaran BICK memberi pelajar kemahiran memperoleh, memproses dan memberikan maklumat. Manakala pembelajaran BE bertujuan memberi pelajar kemahiran menikmati karya sastera dan mengungkapkan keindahan bahasa secara kreatif (KPM, 2004; 2009). Baik dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) mahupun dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM), karya sastera digunakan sebagai bahan pembelajaran BE yang merangkumi sastera moden dan tradisional genre prosa dan puisi (KPM, 2012; DBP, 2015; DBP, 2017; DBP, 2019).

Karya sastera digunakan dalam pembelajaran bahasa kerana dapat memperkembangkan kemahiran mengapresiasi keindahan bahasa dalam karya sastera pelbagai genre (BPK, 2013). Karya sastera merupakan bahan terbaik dalam pembelajaran bahasa kerana dapat memberi pelajar pengetahuan dan kemahiran mengungkapkan bahasa dengan indah dan santun (Teeuw, 1988). Dalam pembelajaran bahasa di Malaysia, karya sastera digunakan untuk merangsang pemikiran dan pertuturan pelajar ke arah pembangunan insan negara (BPK, 2012). Sebagai bahan pembelajaran bahasa, karya sastera yang dipilih hendaklah memuatkan konteks dan persekitaran bahasa yang dipelajari (Amerian & Khaivar, 2014; Isikli & Tarakcioglu, 2017). Konteks pembelajaran suatu bahasa pada umumnya dibangun oleh indikator kebahasaan, kesusasteraan dan kebudayaan masyarakat tutur bahasa (Isikli & Tarakcioglu, 2017).

Secara umumnya, terdapat enam indikator pemilihan karya sastera yang dapat

mendukung pencapaian tujuan pembelajaran PdPc. Enam indikator itu berkaitan dengan bahan yang tepat, perancangan, aktiviti, pentaksiran, penyoalan dan refleksi (Nor Hashimah & Che Ton, 2012; Siti Khariah, 2013). Penggunaan enam indikator itu dapat membangun potensi pelajar secara seimbang dan holistik berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013 ; JPN Johor, 2017). Dalam teori interaksional, karya sastra yang sesuai mendukung seluruh situasi berbahasa. Karya yang sesuai dapat merangsang penggunaan bahasa yang baik menerusi pengungkapan bermakna dalam komunikasi berdasarkan struktur bahasa dan makna sosial. Karya yang sesuai turut memuatkan elemen struktur bahasa berdasarkan kekuatan wacana dan semantik, bukan hubungan sintaksis semata-mata. Kesesuaian karya juga ditandai struktur wacana, kognitif dan sosiobudaya. Dalam kajian linguistik, kesesuaian struktur karya terangkum dalam aspek linguistik, psikolinguistik dan sociolinguistik (Nik Hassan, 2009). Pemilihan karya sastra yang sesuai ditentukan penggunaan indikator yang kontekstual. Penyusunan indikator karya sastra Kadazandusun yang kontekstual dijalankan kerana indikator dan sub-indikator yang digunakan dalam pelbagai sumber kepustakaan didasarkan kepada konteks bahasa tertentu (BPK, 2012; LPM, 2000; LaBelle, 2010; Bousbai, 2000; 2014; Kumar, 2017 & Siti Khairiah, 2013). Demi menentukan indikator dan sub-indikator yang kontekstual, tinjauan kepustakaan umum pembelajaran bahasa, kepustakaan khusus Kadazandusun dan temu bual guru-guru Kadazandusun dijalankan. Konteks pemilihan karya sastra akan disesuaikan dengan persekitaran pembelajaran bahasa Kadazandusun. Penerokaan lebih banyak sumber kepustakaan dan tinjauan lapangan dilakukan untuk memperluaskan lagi sumber indikator dan sub-indikator pemilihan karya sastra.

PERNYATAAN MASALAH

Kepelbagaian indikator pemilihan karya sastra dalam pelbagai sumber kepustakaan memberikan rujukan kriteria yang tidak seragam. Kepelbagaian berlaku disebabkan setiap bahasa menggunakan indikator pemilihan karya sastra yang tersendiri berdasarkan konteks persekitaran pembelajaran bahasa yang diajar (Hymes, 1972; Rafiul, 2013; Ani, 2015; Norah & Norasiken, 2015; Amerian & Khaivar, 2014; Isikli & Tarakcioglu, 2017). Pemilihan karya sastra menggunakan indikator yang berbeza-beza boleh menghasilkan analisis karya yang tidak bersesuaian dengan tujuan pembelajaran bahasa. Kelemahan itu dikesan dalam senarai karya cadangan pembelajaran Komsas bahasa Melayu yang dipilih dari himpunan pemenang sayembara. Terdapat karya sastra dari senarai itu yang kurang sesuai berdasarkan konteks pembelajaran Komsas (Siti Khariah, 2016; Nur Hashimah Isa & Che Ton Mahmud, 2012).

Dalam pembelajaran Bidang Estetika (BE) bahasa Kadazandusun, indikator pemilihan karya sastra tidak ditunjukkan dalam buku teks, kurikulum, mahupun dalam kajian terdahulu. Implikasinya, karya sastra yang digunakan dalam buku teks memperlihatkan indikator pemilihan yang tidak jelas. Karya yang dipilih memperlihatkan merit kandungan dan binaan intrinsik yang longgar. Panel penyusun buku teks kelihatannya sekadar menggunakan indikator kurikulum berdasarkan modul pembelajaran. Karya-karya sastra yang dipilih sebagai bahan pembelajaran dihasilkan sendiri oleh panel penyusun buku teks. Terdapat juga karya yang diperoleh dari informan terdekat. Keseluruhannya, karya-karya yang dipilih memperlihatkan penggunaan genre puisi yang lebih kerap berbanding genre prosa (DBP, 2015; DBP, 2017 & DBP, 2019).

Berdasarkan pernyataan masalah di atas, maka kajian ini meletakkan rangkuman indikator dan sub-indikator pemilihan karya sastra sebagai tujuan utama kajian. Indikator dan sub-indikator dari pelbagai sumber kepustakaan dan temu bual guru dianalisis dengan mengkategorikan tema-tema (indikator) dan sub-tema (sub-indikator) data naratif (Hsiu-Fang & Sarah, 2005). Analisis dijalankan untuk meletakkan pemilihan karya sastra ke dalam konteks

pembelajaran Bidang Estetika (BE) bahasa Kadazandusun. Penggunaan indikator yang kontekstual dapat dijalankan dengan meletakkan indikator dan sub-indikator pemilihan karya sastra ke dalam konteks pembelajaran bahasa yang diajar (Rafiul, 2014; Amerian & Khaiviar, 2014; Isikli & Tarakcioglu, 2017). Kesesuaian bahan pembelajaran bahasa dapat ditentukan dengan menggunakan indikator yang berasaskan kepada konteks bahasa yang dikaji (Siti Khairiah, 2016; Kumar, 2017; Maryam & Ebrahim, 2017; Razanah & Lin, 2017). Dalam menyusun kaedah pemilihan karya, kodifikasi indikator dapat diperkembangkan lagi dengan membuat penambahan indikator dan sub-indikator berdasarkan dapatan baharu (Klienheksel, et., al., 2020).

SOROTAN LITERATUR

Karya sastra dalam pembelajaran bahasa hendaklah dapat mendukung fungsi peningkatan kemahiran berbahasa pelajar selari dengan kurikulum (Siti Khairiah, 2013; Nor Hashimah dan Che Ton, 2012; Carter, 2010; Taib dan Hashim, 1971). Dalam pembelajaran bahasa, terdapat peranan saling melengkapi di antara genre prosa dan puisi. Menerusi karya prosa, pelajar memperoleh pengetahuan tentang alam sekitar, warisan tradisi dan pantang larang sosiobudaya masyarakat. Manakala genre puisi memberi pelajar kemahiran memahami, mengetahui, menghasilkan serta memberi reaksi ke atas karya yang dipelajari dengan menggunakan bahasa yang indah, sopan dan berestetika. Karya sastra dalam pembelajaran bahasa merangkumi kesusasteraan tradisional dan moden yang meliputi genre prosa dan puisi. Kesusasteraan tradisional terdiri dari syair dan cerita rakyat. Manakala kesusasteraan moden meliputi genre puisi dan prosa (cerpen dan novel) serta drama (BPK, 2013 dan Alfian, 2014). Bahan pembelajaran yang baik disusun berdasarkan kurikulum, bersesuaian dengan guru, pelajar serta mengandungi kearifan lokal (Prastowo, 2013).

Karya sastra dalam pembelajaran bahasa merupakan satuan pembelajaran bahasa dan pembelajaran sastra. Karya sastra dalam pembelajaran bahasa dapat membangun keperibadian insan, memberi pelajar pengalaman, cabaran serta pengamalan budaya merentas kurikulum. Nilai pengalaman terserlah dalam keseimbangan perilaku dan pengamalan pengetahuan nilai. Namun demikian, pencapaian tujuan pembelajaran didukung oleh kesiapan guru mengajar bahasa menggunakan bahan sastra. Justeru, institusi pendidikan guru diharap dapat mempersiapkan guru mengajar bahasa dengan menggunakan pengetahuan sastra. Pengajaran bahasa menggunakan bahan sastra memberi cabaran kepada guru sebagai pemimpin pedagogi untuk menerapkan kepada pelajar kebiasaan membaca dan mengamalkan budaya. Penerapan itu bertujuan untuk memberi pelajar pengetahuan demi membangun masyarakat seperti yang disorot dalam karya. Bagi pelajar, penggunaan sastra dalam pembelajaran bahasa dapat memberi pengetahuan terpadu yang merangkumi fenomena alam, makna serta nilai sosiolinguistik dan budaya dalam pembelajaran bahasa. Proses pembelajaran bahasa dapat menjalin komunikasi di antara negara dengan negara lain, dari budaya ke suatu budaya serta dari individu ke sesama individu (Luuka, 2021).

Pembelajaran bahasa menuntut penggunaan karya sastra yang berbahasa tulen demi menerapkan aspek komunikatif. Garapan bahasa tulen dalam karya amat bersesuaian dengan konteks komunikasi dalam kehidupan nyata. Sebagai elemen utama pembelajaran bahasa, karya sastra hendaklah sesuai, mudah difahami dan dapat merangsang keghairahan pelajar untuk terus menggunakan sastra dalam pembelajaran bahasa. Sastra diumpamakan sebagai payung maklumat semua kegiatan hidup manusia yang ditulis dengan bahasa efektif dalam situasi kontekstual untuk pembelajaran bahasa. Elemen konotatif dalam karya serta pengaluran kompleks struktur sintaksis dapat memperluas kemahiran pelajar berbahasa. Karya sastra menjadi wacana kajian penggunaan bahasa yang memuatkan budaya masyarakat. Dalam pembelajaran bahasa, pelajar perlu pendedahan wacana tulen yang dialur dengan bahasa kreatif

bagi meningkatkan lagi kemahiran berbahasa, mengurangkan kebergantungan kamus, memberi reaksi positif dan mempelajari pelbagai karya sastera. Penggunaan sastera terkini lebih sesuai berbanding karya sastera lama yang agak sukar difahami (Turker, 1991).

Sebagai cerminan masyarakat, karya sastera memaparkan refleksi kehidupan sebenar manusia. Penulis mengolah cerminan kehidupan secara halus dan berhemah. Unsur kreatif dalam sastera diadun secara imajinasi untuk menimbulkan kesan langsung kepada khalayak pembaca. Bahasa menjadi medium utama yang memancarkan idea untuk sebaran khalayak (Norah & Norasiken, 2015). Kesusasteraan sebagai karya menyerlahkan budaya, pemikiran, aspirasi, muslihat dan cara hidup manusia. Paparan latar kehidupan dalam karya memberi pelajar pengalaman tentang kehidupan orang lain, memperkaya pengetahuan tentang budaya lain, membangun pemahaman tentang diri sendiri dan orang lain, serta membangun rasa hormat tentang perbezaan hidup (Moumou, 2005). Kesusasteraan bukan sekadar alat pelajar memperoleh kemahiran berbahasa lisan dan bertulis tetapi juga berfungsi sebagai jendela untuk memandang serta membina pengetahuan budaya dalam bahasa yang dipelajari. Sastera merupakan cerminan budaya kebangsaan yang memberi pengenalan kepada pelajar tentang penggunaan bahasa yang berestetika, bernilai moral dan berunsur rohani dalam sistem sosial serta peraturan hidup bermasyarakat (Adeyanju, 1978 dan Murat, 2005).

KEPELBAGAIAN INDIKATOR PEMILIHAN KARYA SASTERA

Hernández (2011) menggunakan 11 kriteria pemilihan karya dalam Model Integrasi PdPc pembelajaran bahasa Inggeris. Kriteria itu meliputi kesesuaian bahasa, ukuran cerita, unsur didaktik, merangsang minat membaca, mewakili penulis, genre, gerakan sastera, kepelbagaian aktiviti dalam kelas, minat pelajar, memenuhi keperluan dan merangsang kemahiran pelajar berkomunikasi. Kajian itu menyimpulkan bahawa integrasi pengajaran bahasa dan sastera amat menarik, penuh nikmat dan memuaskan kalangan pelajar. Bousbasi (2000; 2014) dalam Model Pembelajaran Bahasa Inggeris di Algeria, merangkumkan 11 kriteria itu ke dalam enam kriteria pemilihan karya. Kriteria itu meliputi kesesuaian karya dengan bahasa yang dipelajari, binaan karya dan ketersediaan teks, kurikulum, guru, pelajar dan budaya. Enam kriteria itu dapat dikategorikan ke dalam indikator bahasa, sastera, kurikulum, guru, pelajar dan budaya masyarakat. Kumar (2017) turut menggunakan enam kategori indikator dalam Model Pemilihan Karya Sastera untuk pembelajaran bahasa Inggeris. Enam kriteria itu terdiri daripada bahasa yang diajar, bahan pembelajaran, kesesuaian dengan kurikulum, sesuai PdPc guru, sesuai dengan pelajar dan budaya masyarakat.

Bahagian Perkembangan Kurikulum (2012) menggariskan empat kriteria utama dalam pemilihan karya sastera untuk pembelajaran Komsas bahasa Melayu. Kriteria itu meliputi kesesuaian karya dengan tujuan pembelajaran, keselarasan karya dengan kurikulum, keterkaitan paparan cerita dengan kehidupan pelajar dan binaan karya berdasarkan merit sastera yang lengkap dengan unsur-unsur intrinsik dan ekstrinsik. Siti Khairiah (2016) turut menggunakan empat dimensi pemilihan karya sastera untuk pembelajaran Komsas. Empat dimensi itu meliputi kesesuaian bahan dengan PdPc, kurikulum, pelajar dan guru. Sementara Lembaga Peperiksaan Malaysia (2000) menggunakan tiga kriteria kesesuaian karya sebagai rujukan dalam penggubalan soalan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tiga kriteria itu melibatkan binaan karya yang kukuh, pemaparan cerita berkaitan pelajar dan mesej nilai-nilai kemanusiaan, kemasyarakatan serta kebudayaan dalam karya. Bahan pembelajaran yang memenuhi merit sastera dapat mendukung persediaan pelajar untuk menjawab soalan peperiksaan.

Maryam dan Ebrahim (2017) menggunakan enam kriteria pemilihan karya untuk pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing (EFL) di Iran. Enam kriteria itu meliputi

elemen minat pelajar, topik, penampilan teks, keperluan pelajar, kesesuaian karya sebagai bahan pembelajaran bahasa dan kesesuaian kandungan karya untuk mendukung penguasaan kemahiran berbahasa. Kajian itu mendapati, penggunaan enam kriteria yang disebutkan dapat menentukan kesesuaian bahan pembelajaran untuk meningkatkan keberkesanan pembelajaran EFL di negara berkenaan. Minoo (2011) turut menggunakan lima kriteria pemilihan karya sastera untuk pembelajaran bahasa Inggeris di Iran. Lima kriteria itu meliputi kemahiran berbahasa, tempoh masa pembelajaran, pengetahuan budaya, penggunaan cerpen dan keterlibatan diri pelajar. Lima kriteria itu dirumus dari hasil tinjauan kepustakaan tentang fungsi karya untuk pembelajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa asing di Iran.

Mohamad, *et. al.* (2013) menggunakan empat kriteria pemilihan karya untuk pembelajaran bahasa Inggeris di Iran. Empat kriteria itu melibatkan variabel keberkesanan, kognitif, sosial dan biologikal. Empat kriteria itu dirumus hasil tinjauan kepustakaan untuk menguji keberkesanan penggunaan karya sebagai bahan pembelajaran. Variabel keberkesanan melibatkan sub-tema konsep diri, sikap, ketabahan, kawalan dalaman diri, sikap berciri dalaman dan luaran, minat serta keperluan. Variabel kognitif melibatkan sub-tema latar pengetahuan, kaedah berfikir, kemahiran belajar, strategi pembelajaran, kebolehan dan kepintaran. Variabel sosial melibatkan sub-tema konteks sosial, rasa kekitaan, kejutan budaya dan bahasa. Sementara variabel biologikal melibatkan sub-tema jantina dan umur pelajar. Semua variabel tersebut digunakan sebagai kayu ukur untuk menganalisis kandungan karya.

Seterusnya Bibby (2014) mencadangkan penggunaan lima kriteria pemilihan karya sebagai bahan pembelajaran bahasa Inggeris di Jepun. Lima kriteria itu meliputi kosakata, sintaksis, ukuran cerita, minat dan keakraban pelajar ke atas cerita dalam karya. Lima kriteria yang disusun dari tinjauan kepustakaan itu kemudian digunakan untuk menganalisis kandungan buku *Real Reads: An Introduction to Literature* yang diterbitkan untuk khalayak guru dan pelajar bahasa Inggeris di Jepun. Suhair (2016) menggunakan lima kriteria pemilihan karya dalam pembelajaran bahasa Inggeris di Dubai. Lima kriteria itu meliputi kumpulan usia pelajar, ukuran cerita dan kerumitan bahasa, kepelbagaian paparan cerita dan kesesuaian budaya, ketulenan nilai atau moral dan keterkinian karya. Lima kriteria yang dirumus dari hasil tinjauan kepustakaan itu kemudian digunakan untuk menganalisis kandungan karya yang digunakan dalam pembelajaran tersebut. Kajian dijalankan untuk mengangkat isu kontemporari pengajaran bahasa kepada kalangan guru dan pengkaji.

Norah dan Norasiken (2015) menggunakan empat kriteria pemilihan karya untuk pembelajaran bahasa Inggeris di kalangan pelajar pelbagai kaum di Malaysia. Empat kriteria itu meliputi kesesuaian bahasa dalam karya, kesesuaian pengisahan karya dengan pelajar, kesesuaian karya memberi pengalaman serta kesesuaian karya merangsang penghasilan tulisan. Pendekatan ini diambil hasil kajian tindakan yang melibatkan penyelidikan kepustakaan, pemerhatian dan naratif 30 pelajar pelbagai kaum di Malaysia. Manakala Razanah dan Lin (2017) menggunakan empat kriteria pemilihan karya untuk pembelajaran bahasa Inggeris di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah. Empat kriteria itu meliputi kesesuaian karya dengan tema dan tujuan kurikulum, kesesuaian karya dengan usia pelajar dan tahap bahasa, keterkaitan karya dengan lingkungan pelajar, minat serta genre karya. Pendekatan ini dihasilkan melalui soal selidik kepada 132 pelajar bahasa Inggeris di universiti berkenaan.

Adam dan Harper (2016) mengadaptasi tiga kategori penilaian kualiti dan validiti Bishop (1992) untuk mengesan paparan pelbagai budaya dalam buku kanak-kanak di Australia Barat. Tiga kategori itu meliputi budaya khusus, ciri umum Australia (atau Amerika atau British) dan penyesuaian diri dengan budaya dominan. Kajian dijalankan dengan melakukan tinjauan kepustakaan dan menganalisis kandungan pelbagai karya. Hasil kajian mendapati penilaian itu selari dengan undang-undang anti mencemarkan nama baik suatu pihak di Australia Barat. Hasil kajian menyarankan penggunaan buku-buku yang mempromosi

persefahaman di kalangan pelbagai etnik di negara berkenaan.

Koutsompou (2015) menggunakan tiga kriteria pemilihan karya dalam pembelajaran bahasa kedua di *City Unity College, Athens, Greece*. Penggunaan tiga kriteria pemilihan karya didasarkan untuk membantu guru memilih bahan yang bersesuaian dengan kumpulan pelajar yang mereka ajar. Tiga kriteria itu meliputi aspek linguistik, metodologi dan motivasi. Aspek linguistik merupakan paparan dalaman karya yang mendukung pembelajaran pelbagai aspek bahasa. Sementara aspek metodologi ialah kemampuan karya memberi pelajar pengetahuan untuk berkomunikasi dalam pembelajaran. Manakala aspek motivasi adalah kemampuan karya merangsang keinginan berterusan pembaca untuk membaca dan terus membaca karya sehingga selesai. Kriteria disusun berdasarkan tinjauan kepustakaan sementara kajian dijalankan dalam interaksi PdPc dalam kelas.

Tasneen (2007) merangkumkan enam kriteria pemilihan teks untuk pembelajaran bahasa Inggeris di Bangkok. Enam kriteria itu disusun berdasarkan hasil tinjauan kepustakaan. Enam kriteria itu kemudian digunakan dalam tinjauan soal selidik, temu bual dan pemerhatian dalam kelas. Kajian dijalankan untuk mendapatkan maklum balas guru dan pelajar tentang penggunaan karya sastra sebagai bahan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah antarabangsa di Bangkok. Enam kriteria itu meliputi latar budaya pelajar, kemampuan linguistik pelajar, latar literasi pelajar, komposisi data, kemenarikan teks dan kesesuaian serta ketersediaan teks. Kajian dijalankan untuk memberi panduan dan pemahaman kepada kalangan guru tentang kenapa dan bagaimana menggunakan karya sastra dalam PdPc bahasa.

Dalam pembelajaran bahasa Inggeris di Sudan, tiga aspek utama dipertimbangkan dalam pemilihan karya sebagai bahan pembelajaran. Ibrahim (2014) meletakkan faktor pelajar, kurikulum dan bahasa sebagai kriteria pemilihan karya. Dalam aspek pelajar, karya hendaklah sesuai dengan latar budaya, kematangan intelektual, kemahiran berbahasa, pengetahuan sastra, usia, emosi, minat dan hobi pelajar. Dalam aspek kurikulum, karya hendaklah bersesuaian dengan jenis kursus, tujuan pembelajaran dan bersesuaian dengan kurikulum pembelajaran bahasa. Sementara dalam aspek bahasa, karya harus dapat mendukung pembelajaran bahasa dan sesuai dengan majoriti pelajar dalam kelas. Dapatan ini diperolehi hasil dari kajian analisis kandungan karya-karya sastra yang digunakan dalam pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah-sekolah menengah di Sudan. Hasil kajian mendapati buku-buku yang dianalisis tidak memenuhi tiga kriteria yang disebutkan.

Kriteria pemilihan karya sastra dari pelbagai sumber kepustakaan yang dipaparkan di atas memperlihatkan penggunaan kriteria yang berbeza dari satu sumber ke sumber yang lain. Perbezaan terletak dalam bilangan kriteria yang digunakan serta cara menentukan kriteria. Dalam konteks penggunaan karya sastra dalam pembelajaran bahasa Kadazandusun, kepelbagaian kriteria yang dipaparkan tidak dapat memberikan rujukan tuntas. Kekeliruan berlaku untuk menentukan kriteria mana yang akan dirujuk. Oleh sebab itu, kesemua kriteria yang dipaparkan akan dirangkumkan untuk menentukan kriteria pemilihan karya mengikut konteks pembelajaran bahasa Kadazandusun.

MODEL CONTENT ANALYSIS OF ETHNICITY (CAOE)

LaBelle (2010 dan 2014) menggunakan Model *Content Analysis of Ethnicity* (CAoE) atau 'Analisis Kandungan Etnisiti' dalam menentukan indikator dan sub-indikator pemilihan karya sastra. Model itu diterapkan dalam pembelajaran bahasa Inggeris sekolah menengah kerajaan dan swasta di Milwaukee, Wisconsin, Amerika. Model yang disusun dari hasil tinjauan kepustakaan itu digunakan ke atas pelajar imigran pelbagai keturunan. Tujuh indikator etnisiti yang digunakan terdiri dari etnik Alaska, Asia, kulit hitam, Hawaiian dan kulit putih serta indikator guru dan budaya masyarakat. Manakala sub-indikator terdiri daripada ilustrasi, wacana, perwatakan dan stereotaip etnisiti. Analisis kandungan karya dijalankan dengan

mengesan tujuh indikator dalam karya menerusi paparan empat sub-indikator. Berikut dipaparkan indikator dan sub-indikator pemilihan karya mengikut Model CAoE.

Jadual 1: Indikator dan Sub Indikator Pemilihan Karya Model CAoE

Bil	Tema (Indikator)	Sub-Tema (Sub-Indikator)
1	Alaska	
2	Asia	
3	Kulit Hitam	Ilustrasi, wacana, perwatakan, stereotaip
4	Hawaii	
5	Kulit Putih	
6	Guru	
7	Budaya Masyarakat	

Sumber: LaBelle (2010; 2014)

Berdasarkan Model CAoE, penerokaan literatur seterusnya dijalankan untuk memperoleh data-data naratif tentang indikator dan sub-indikator pemilihan karya sastera Kadazandusun. Pengkategorian data-data naratif akan menyerap konsep Model CAoE dengan menempatkan indikator di lajur kedua sebelah nombor dan sub-indikator di lajur ketiga. Penentuan indikator dan sub-indikator dalam kajian ini akan mengadaptasi Model CAoE dalam aspek konsep yang kemudian diubah suai mengikut konteks pembelajaran BE bahasa Kadazandusun sekolah peringkat menengah atas.

KONTEKS PEMBELAJARAN BAHASA KADAZANDUSUN

Dalam pembelajaran suatu bahasa, penyesuaian kriteria pemilihan karya hendaklah berasaskan konteks pembelajaran bahasa dan persekitaran bahasa yang dipelajari (Amerian dan Khaivar, 2014; Isikli dan Tarakcioglu, 2017). Dalam konteks pembelajaran Bidang Estetika (BE) bahasa Kadazandusun, perspektif penggunaan karya sastera dalam pembelajaran bahasa merangkumkan enam indikator yang terdiri daripada bahasa, sastera, guru, pelajar, kurikulum dan budaya masyarakat. Perspektif kajian ini dihasilkan dari tinjauan pelbagai sumber kepustakaan tentang pendidikan, bahasa, sastera dan budaya masyarakat Kadazandusun di mana rujukan setiap satu dari konteks itu diberikan seperti berikut:

Bahasa

Bahasa Kadazandusun dalam kurikulum di sekolah diajar berteraskan dialek Bundu dan Liwan. Penggunaan ragam asas pembakuan ini dicetuskan melalui perisytiharan bersama Persatuan Kebudayaan Kadazan Dusun (KDCA) dan Persatuan Dusun Sabah Bersatu (USDA). Perlembagaan KDCA menyatakan nama generik Kadazandusun merangkumi 40 dialek dalam masyarakat tutur yang sama. Dialek-dialek itu meliputi masyarakat tutur dalam keluarga bahasa Dusunik, Murutik dan Paitanik. Perisytiharan itu bersetuju memperkenalkan bahasa Kadazandusun baku sebagai medium pengajaran di sekolah-sekolah. Bahasa Kadazandusun baku adalah bahasa yang berteraskan dialek Bundu dan Liwan yang diperkaya oleh dialek-dialek lain dalam masyarakat tutur yang sama (KDCA dan USDA, 1995).

Bahasa Kadazandusun berada dalam konteks penggunaan dialek Tangaa' (Penampang dan Papar) ketika zaman penjajahan. Dialek ini menjadi asas kepada bahasa Kadazan yang diajar di sekolah-sekolah *Native Voluntary School* (NVS). Apabila bahasa Kadazandusun mula diajarkan di sekolah-sekolah pada tahun 1997, dialek Bundu dan Liwan digunakan dalam kurikulum. Asas pembakuan bahasa Kadazandusun ini diperkaya dengan dialek-dialek lain dalam keluarga bahasa Dusunik dan Paitanik termasuk Tangaa' (Roff, 1969 ; Sansalu, 2008; KDCA dan USDA, 1994). Pembelajaran bahasa Kadazandusun di sekolah bertujuan untuk melestarikan bahasa ibunda. Pelestarian bahasa ibunda dijalankan di atas kesedaran bahawa penggunaan bahasa ibunda tidak lagi menyeluruh. Bahasa ibunda hanya dituturkan dalam lingkungan tertentu sahaja.

Begitupun, di tempat-tempat tertentu di Sabah, penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan generasi muda tetap memberangsangkan. Tinjauan ke atas 205 remaja Kadazandusun berumur 13-19 tahun di Kota Belud mendapati penggunaan bahasa ibunda masih berada pada tahap 68.3 peratus. Tahap ini mencecah 83.4 peratus dalam pertuturan dengan datuk dan nenek. Terdapat 8.3 peratus bertutur bahasa ibunda pada kadar selalu, 20 peratus pada kadar kadang kala sementara 3.4 peratus tidak bertutur sama sekali. Dari kalangan remaja yang terlibat sebagai responden kajian, 60 peratus mula bertutur bahasa ibunda sebelum memasuki persekolahan, 15 peratus ketika Tahun I, Tahun II (4%), Tahun III (2%), Tahun IV (13%), Tahun V (3%), Tahun VI (1%) dan tidak bertutur bahasa ibunda (1%). Pengajaran semula bahasa Kadazandusun di sekolah telah memperkukuhkan lagi kemampuan kalangan generasi Kadazandusun dalam pemahaman, pertuturan, pembacaan dan penulisan bahasa ibunda (Ting dan Tham, 2014).

Dalam usaha memperluas kembali penggunaan bahasa ibunda, pengajaran bahasa Kadazandusun berkembang ke pelbagai sekolah, kolej dan institusi pengajian tinggi. Pada tahun 2018, data menunjukkan bahasa Kadazandusun diajar di 374 sekolah rendah dengan 40,862 murid dan 45 sekolah menengah dengan 5,868 pelajar. Dalam mengendalikan pengajaran di sekolah-sekolah, secara keseluruhan terdapat 1194 guru dengan pecahan 1100 guru mengajar di sekolah rendah dan 94 guru di sekolah menengah (JPNS, 2018). Tinjauan di pelbagai institusi pengajian tinggi menunjukkan bahasa Kadazandusun turut ditawarkan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) sebagai kursus elektif bermula 1998, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) sebagai program minor prasiswazah bermula 2010 dan major pascasiswazah bermula 2015, major di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kent dan IPG Keningau. Bahasa Kadazandusun turut ditawarkan di Kolej SIDMA Kota Kinabalu dan Kolej Teknikal Yayasan Sabah (KTYS) Likas.

Lama sebelum pelaksanaan Kurikulum Bahasa Kadazandusun pada Februari 1997, bahasa Kadazan dialek Tangaa' (Penampang dan Papar) telah digunakan dalam persekolahan. Bahasa Kadazan digunakan sebagai medium pembelajaran di *Native Voluntary Schools* (NVS). Sekolah-sekolah ini dikendalikan oleh kongregasi mubaligh. Sekolah-sekolah NVS yang dibangun bermula 1882 berkembang ke pelbagai pelosok di Sabah, bermula dengan pengajaran di sekolah-sekolah NVS kawasan pesisiran pantai barat Sabah, kemudian berkembang ke kawasan pedalaman. Maka, sehingga 1953, sebanyak 40 sekolah NVS telah didirikan dengan medium utama bahasa Kadazan pada peringkat Tahun I dan II. Seterusnya inisiatif ini dilanjutkan dengan medium pengajaran bahasa Inggeris di Tahun III dan IV (Roff, 1969). Pengalaman belajar di sekolah-sekolah NVS telah melahirkan generasi Kadazandusun celik huruf dan fasih berbahasa Kadazan serta berbahasa Inggeris. Kefasihan berbahasa Kadazan ditunjukkan dalam pengelolaan bahasa Kadazan di media cetak dan elektronik. Bahasa Kadazan digunakan dalam slot akhbar tempatan, akhbar berbahasa Kadazan sepenuhnya 'Kadazan Times' (1966-1967), ibadat gereja, siaran radio, penerbitan kamus dan pidato gerakan nasionalisme Kadazan di awal 1950-an pimpinan Donald Stephens @ Tun Fuad (Reid, 1997).

Dalam melestarikan bahasa ibunda, kalangan pemimpin Kadazandusun melakukan iltizam mendapat kelulusan kerajaan memasukkan bahasa Kadazandusun ke dalam sistem pendidikan negara. Usaha itu dibuat untuk mengekalkan serta mengembangkan bahasa etnik Kadazandusun di kalangan generasi baharu (Smith, 2003).

Sastera

Kesusasteraan Kadazandusun merangkumi karya sastera tradisional dan moden genre prosa dan puisi yang diolah dalam bahasa Kadazandusun (BPK, 2013). Karya sastera Kadazandusun digunakan sebagai bahan utama dalam pembelajaran BE bahasa Kadazandusun. Kesusasteraan Kadazandusun yang merupakan karya sastera etnik di Sabah, ditutur atau ditulis dalam bahasa Kadazandusun atau dialek-dialek dalam masyarakat tutur yang sama (Lim Swee Tin, 2015). Karya sastera Kadazandusun tampil dalam bentuk prosa dan puisi. Kesusasteraan Kadazandusun moden secara popular dihasilkan dalam genre sisindion (puisi), suniba (cerpen) dan novel. Karya-karya ini merupakan bahan pembelajaran Bidang Estetika (BE) bahasa Kadazandusun KBSM dan KSSM Tingkatan IV dan V (BPK, 2012).

Meskipun kesusasteraan Kadazandusun merujuk kepada karya yang ditulis dalam dialek Bundu dan Liwan, namun karya-karya yang ditulis dalam dialek-dialek masyarakat tutur yang sama diambil kira sebagai khazanah kesusasteraan Kadazandusun. Pencirian ini selari dengan asas Perjanjian Perisytiharan Bahasa Kadazandusun 1995 (KDCA dan USDA, 1995). Dalam kajian ini, sastera Kadazandusun dan sastera etnik merujuk kepada karya-karya yang memenuhi skala kesesuaian sebagai bahan pembelajaran BE bahasa Kadazandusun di sekolah peringkat menengah atas. Sastera Kadazandusun merujuk secara khusus kepada karya-karya yang ditulis dalam dialek Bundu, Liwan dan Tangaa'. Karya dalam dialek Tangaa' diterima sebagai karya sastera Kadazandusun berdasarkan nilai historis dialek itu. Dialek berkenaan telah digunakan secara meluas dalam pelbagai penerbitan, lama sebelum kemerdekaan. Manakala sastera etnik merujuk kepada karya-karya yang diproduksi dalam pelbagai dialek masyarakat tutur yang sama (KDCA dan USDA, 1995; Ismail Hussein, 1995; Yahaya Ismail, 1995; Ajib Rosidi, 1995).

Kesusasteraan Kadazandusun merupakan khazanah kesusasteraan etnik Sabah. Ini termasuklah Himpunan 23 Cerita Rakyat Kadazandusun yang memuatkan pelbagai kisah yang meliputi cerita haiwan, mitos, asal-usul dan penglipurlara. Karya-karya didokumentasi dengan mengekalkan sumber dialek Liwan, Bundu, Dusun Labuk, Dusun Sungai dan Kimaragang. Karya-karya dalam buku itu sarat dengan unsur-unsur nasihat, pengajaran dan teladan yang dapat dimanfaatkan sebagai bahan pembelajaran bahasa Kadazandusun. Bahan seumpama itu memberi pedoman dalam membentuk kehidupan masyarakat yang lebih harmoni dan sejahtera. Muatan cerita-cerita dalam karya dapat dijadikan sumber pengayaan perbendaharaan kata penutur bahasa ibunda serta pelajar bukan berketurunan Kadazandusun (Sintian dan Kiting, 2016).

Dalam tangon (cerita rakyat) terdapat pelbagai nilai pendidikan yang dapat membentuk karakter generasi. Nilai murni watak dan perwatakan dapat mendidik generasi untuk membanding perilaku baik dan kurang baik. Manakala Low dan Lee (2012) mendapati sebahagian besar *sundait* (teka-teki) masyarakat Kadazandusun berkait rapat dengan unsur padi. Karya tersebut memaparkan aktiviti penanaman padi dan peralatan bertani. Kekayaan *sundait* yang berkaitan dengan padi menandakan padi adalah elemen penting dalam kehidupan masyarakat Kadazandusun. Dalam *sundait* terkandung perkaitan di antara kepercayaan tentang semangat padi, aktiviti berteka-teki (bersundait) dan musim menuai padi (Jumil dan Norjietta, 2017).

Sementara dalam *sudawil* (puisi lama), terpapar gambaran pemikiran, pengalaman dan pemerhatian masyarakat Kadazandusun tentang kehidupan. Masyarakat Kadazandusun

merakam segala pengalaman dan pemerhatian yang dilalui dalam kehidupan seharian dengan menggunakan pemikiran kritis dan kreatif. *Sudawil* dicipta dalam bait-bait terhad tetapi padat dengan mesej yang ingin disampaikan untuk tujuan tertentu. Penggunaan nama-nama tokoh, tempat, alat-alat muzik, kraftangan dan unsur-unsur budaya dalam *sudawil* menjadikan genre itu sesuai sebagai dokumentasi perbandingan kesejarahan untuk memperoleh fakta dalam kajian sejarah (Kiting, 2013).

Demikian pula dalam *Talaala* (puisi lama) yang memuat konsep berbahasa. Genre ini dapat membimbing pelajar berkomunikasi dengan sopan. *Talaala* mengandungi mesej yang bertujuan membentuk keperibadian generasi. Mesej *Talaala* mementingkan keluarga, kebijaksanaan menangani emosi dan keberhati-hatian menghadapi pelbagai pengaruh negatif. Nilai-nilai pendidikan dalam *Talaala* membimbing generasi agar berbahasa diplomasi, toleransi, hormat, sopan santun, rasional dan bijaksana (Kiting, Talin dan Saidatul, 2016).

Pelajar

Konteks pelajar dalam kajian ini merujuk kepada golongan pelajar Tingkatan IV dan V yang berumur dalam lingkungan 16 - 18 tahun. Golongan pelajar ini terdiri dari penutur dialek Bundu, Liwan, Tangaa', Dusunik, Murutik, Paitanik serta bukan berketurunan Kadazandusun (Asmah, 1987; Smith, 2003; Ting dan Tham, 2014; Hooi dan Knight, 2015). Golongan pelajar ini diharap memperoleh pengetahuan, menikmati keindahan bahasa dan mahir berkomunikasi dalam interaksi PdPc. Potensi berbahasa pelajar dibangun secara seimbang dan holistik melalui pelaksanaan PdPc yang bersistematik berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan selaras dengan hasrat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (KPM, 2013 dan JPN Johor, 2017).

Guru

Konteks guru dalam kajian ini ialah guru yang mengajar bahasa Kadazandusun, baik yang terlatih mahupun yang belum terlatih dalam opsyen bahasa Kadazandusun (Abdul Rahim, 2005; Sintian, 2013; Hooi dan Knight, 2015). Guru merupakan indikator penting yang menggerak pencapaian pembelajaran bahasa menggunakan karya sastera. Guru secara aktif harus dapat merangsang pelajar untuk mengenal, mengalami dan mencipta ungkapan-ungkapan keindahan dan kesantunan berbahasa dalam hubungan interpersonal (Denac, 2014). Namun demikian, realiti guru-guru yang ditugaskan mengajar bahasa Kadazandusun didapati belum terlatih sepenuhnya dalam bidang pengkhususan bahasa Kadazandusun. Guru-guru yang ditugaskan mengajar bahasa Kadazandusun terlatih dalam bidang lain seperti geografi, sejarah, matematik, bahasa Melayu, sains sukan dan bahasa Inggeris (Sintian, 2013).

Guru-guru yang diminta mengajar bahasa Kadazandusun sekadar mengikuti kursus jangka pendek yang diberikan Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Institut Pendidikan Guru (IPG) Keningau dan IPG Kent Tuaran (Sintian, 2014). Fenomena tersebut dilihat sebagai penyebab guru kurang kepakaran dalam pengajaran sehingga menjadikan golongan berkenaan kurang profesional dalam mengajar. Realiti itu seterusnya memberi kesan negatif kepada pelajar (Abdul Rahim, 2005). Tinjauan pencapaian pelajar dalam peperiksaan PMR (2009-2012) dan SPM (2011-2012) mendapati peratusan pencapaian calon tidak konsisten, malahan cenderung menurun dari setahun ke setahun. Statistik terperinci tidak diperoleh namun dalam mana-mana kemerosotan pencapaian peperiksaan, faktor guru menjadi sebahagian puncanya (Nawi, 1995).

Kurikulum

Konteks kurikulum dalam kajian ini adalah berasaskan pembelajaran bahasa di Malaysia yang berlandaskan Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (BPK, 2012). Pembelajaran dalam kajian ini ialah BE bahasa Kadazandusun sekolah peringkat menengah atas. Pembelajaran bertujuan memberi pelajar pengetahuan dan kemahiran berkomunikasi. Pengetahuan diperoleh dari sumber lisan dan bacaan lalu mengungkapkan pengetahuan menggunakan bahasa baku yang berestetika demi kesinambungan warisan tradisi bangsa (BPK, 2013). Bahasa Kadazandusun diperkenalkan semula dalam pengajaran di sekolah setelah diluluskan Parlimen Malaysia pada tahun 1995. Kelulusan diberi berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pelajaran 1961 dan dilaksanakan menerusi kurikulum bahasa Kadazandusun sebagai bahasa murid (POL). Pengajaran dimulakan pada Februari 1997 di Tahun IV di 15 sekolah rintis terpilih. Pengajaran bahasa Kadazandusun terus berkembang dengan permulaan pengajaran di Tingkatan I pada tahun 2005. Bahasa Kadazandusun kemudian mula ditawarkan sebagai kertas peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2009 dan Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) pada tahun 2014. Selanjutnya, bahasa Kadazandusun mula diajar di Tingkatan IV pada tahun 2010. Bahasa Kadazandusun kemudian ditawarkan dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bermula 2011.

Dewasa ini, pembelajaran bahasa Kadazandusun dilaksanakan berdasarkan modul dalam buku teks. Modul pembelajaran setiap unit merangkumi kemahiran berbahasa mendengar dan bertutur, membaca dan menulis serta keindahan berbahasa (BPK, 2003). Kurikulum Bahasa Kadazandusun KBSM Tingkatan IV dan V memuatkan tiga bidang utama pembelajaran. Tiga bidang utama itu merangkumi Bidang Interpersonal (BI), Bidang Teknologi Maklumat dan Komunikasi (BICK) serta Bidang Estetika (BE).

Dalam pembelajaran BE, pelajar perlu memahami, mengetahui, menghasilkan karya kreatif dan memberikan reaksi terhadap karya yang dipelajari. Pembelajaran BE bahasa Kadazandusun bertujuan untuk memberi pelajar kemahiran mengapresiasi dan mengulas karya sastera pelbagai genre, mendeklamasi puisi tradisional, puisi moden dan seterusnya menghasilkan karya (BPK, 2012). Objektif pembelajaran ini turut dijelaskan dalam Huraian Sukatan Pelajaran (HSP) Tingkatan IV dan V. Sasaran akhir pembelajaran ialah untuk melahirkan pelajar yang mampu berkomunikasi dan meneruskan warisan budaya sesuai dengan kesejahteraan diri, masyarakat dan negara.

Pembelajaran bahasa Kadazandusun diperluaskan lagi menerusi Modul KSSM berteraskan enam tunjang utama (BPK, 2017). Bidang-bidang itu meliputi pembelajaran komunikasi, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika (PFE), keterampilan diri, kemanusiaan serta kerohanian, sikap dan nilai. Dalam buku teks KSSM, pembelajaran secara modular melibatkan komponen mendengar dan bertutur, membaca dan menulis, serta keindahan bahasa dan tatabahasa. Dari lima komponen modular itu, wujud keperluan menganalisis kandungan karya untuk memilih bahan yang sesuai untuk pembelajaran tunjang perkembangan fizikal dan estetika (BPK, 2015). Pelaksanaan PdPc merangkumi enam tujuan utama yang melibatkan penggunaan bahan pembelajaran yang tepat, perancangan, aktiviti, pentaksiran, penyoalan dan refleksi (Nor Hashimah dan Che Ton, 2012; Siti Khariah, 2013).

Dalam pembelajaran di sekolah peringkat menengah atas, penggunaan sastera tercantum dalam pembelajaran BE KBSM dan PFE KSSM. Penggunaan KBSM Tingkatan V diunjur berlangsung sehingga 2022. Menyusul 2023, KBSM digantikan dengan KSSM. KBSM (2003) adalah berteraskan tiga bidang utama iaitu BI, BICK dan BE. Manakala KSSM (2017) berteraskan enam tunjang utama iaitu komunikasi, sains dan teknologi, perkembangan fizikal dan estetika, keterampilan diri, kemanusiaan serta kerohanian, sikap dan nilai (BPK, 2012). Meskipun berlaku peralihan KBSM ke KSSM, namun penggunaan sastera dalam pembelajaran BE atau PFE kekal menjadi komponen utama dalam modul pembelajaran.

Penggunaan karya sastera tradisional dan moden sebagai bahan utama pembelajaran BE, dinyatakan dalam HSP KBSM dan KSSM. Dalam KBSM (2003), karya sastera bukan

sekadar digunakan sebagai bahan pembelajaran BE tetapi juga sebagai sebahagian daripada bahan pembelajaran BI. Sementara itu, dalam KSSM (2017), karya sastera digunakan dalam pembelajaran tunjang PFE. Meskipun karya sastera disebut sebagai bahan utama pembelajaran BE dan PFE, namun demikian petunjuk pemilihan karya sastera tidak dinyatakan dalam kurikulum. Baik KBSM mahupun KSSM, kedua-duanya tidak mencatatkan tajuk-tajuk karya cadangan untuk kegunaan guru melaksanakan pembelajaran (BPK, 2003; BPK, 2017). Malahan karya sastera seperti novel, cerpen dan puisi tidak dijadikan bahan iringan buku teks yang diterbitkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dan diedar kepada semua sekolah yang menawarkan mata pelajaran bahasa Kadazandusun.

Budaya Masyarakat

Konteks budaya masyarakat dalam kajian ini melibatkan perspektif realiti sosial, budaya, pandangan dunia, penghayatan tulen persekitaran hidup, paparan citra ritual penanaman padi, legenda asal-usul Nunuk Ragang, sakraliti mistik Gunung Kinabalu dan hukum sogit (Lim Swee Tin, 2015; Ramzah, 2015; Shim, 2007; Sansalu, 2008; Sabah Native Ordinance, 1954). Sorotan kepustakaan tentang konteks bahasa Kadazandusun menampilkan ciri-ciri unik yang tidak disentuh dalam tinjauan kepustakaan umum. Sorotan kepustakaan konteks Kadazandusun dijalankan untuk melengkapkan sorotan kepustakaan tentang pembelajaran pelbagai bahasa utama. Indikator-indikator konteks bahasa Kadazandusun dan pelbagai bahasa akan digandingkan dalam penyusunan kriteria pemilihan karya untuk pembelajaran BE. Gandingan dua sumber kepustakaan ini dapat membentuk kriteria pemilihan karya yang bersifat umum dan khusus.

METODOLOGI KAJIAN

Kriteria pemilihan karya sastera Kadazandusun disusun berdasarkan analisis data-data naratif sumber kepustakaan umum, kepustakaan khusus dan temu bual guru. Hasil analisis data naratif disusun menjadi Tipologi Protokol Pemilihan Karya (TPPK). Dari segi bentuk, kriteria ini disebut sebagai tipologi kerana tema utama (komponen indikator) disusun berbentuk tipologi untuk memadamkan data berciri mesej dalam analisis kandungan (Neuendorf & Skalski, 2009). Kriteria ini disebut protokol kerana disusun khusus untuk memilih bahan pembelajaran bahasa (LaBelle, 2010).

Penyusunan TPPK diasaskan kepada rujukan utama data naratif Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2012). Dua sumber utama data ini didukung 59 data naratif dari kepustakaan umum tentang pembelajaran bahasa, 28 data naratif kepustakaan khusus Kadazandusun dan 35 informan dalam kalangan guru-guru bahasa Kadazandusun. Data-data dari sumber kepustakaan umum digunakan untuk meletakkan kesesuaian ciri-ciri indikator pemilihan karya sastera dengan pembelajaran pelbagai bahasa. Manakala data-data dari sumber kepustakaan khusus Kadazandusun dan temu bual guru digunakan untuk meletakkan TPPK ke dalam konteks pembelajaran BE bahasa Kadazandusun sekolah peringkat menengah atas. Responden dari kalangan guru terdiri dari guru bahasa Kadazandusun sekolah menengah yang mendapat latihan pengajian minor di institusi pengajian tinggi dan kursus singkat di Institut Pendidikan Guru. Kalangan guru diminta memberi maklum balas tentang latar pengajian dan pengalaman mengajar bahasa Kadazandusun serta menjawab soalan terbuka tentang cara memilih karya sastera sebagai bahan pembelajaran BE bahasa Kadazandusun. Kalangan guru bertugas di 23 sekolah menengah di seluruh Sabah yang terdiri dari 24 perempuan dan 11 lelaki. Soal selidik diberikan ketika ditemui bersemuka, dihubungi melalui emel, aplikasi whatsapp dan telegram.

Tinjauan awal kepustakaan menunjukkan terdapat enam indikator pemilihan karya sastra untuk pembelajaran bahasa. Enam indikator itu terdiri dari bahasa, sastra, guru, pelajar, kurikulum dan budaya masyarakat (BPK, 2003; Neuendorf dan Skalski, 2009; LaBelle, 2010; Siti Khairiah, 2013; Bousbai, 2014; Amerian dan Khaivar, 2014; Kumar, 2017). Indikator dan sub-indikator itu akan diperluaskan lagi menerusi penambahan hasil analisis data naratif pelbagai sumber kepustakaan dan temu bual guru. Indikator dan sub-indikator TPPK dirangkum dan dikategorikan secara terperinci mengikut struktur berikut:

Jadual 2: Indikator Tipologi Protokol Pemilihan Karya (TPPK)

No	Indikator	Sub-Indikator
1	Bahasa	
2	Sastra	
3	Guru	
4	Pelajar	
5	Kurikulum	
6	Budaya Masyarakat	

Sumber: Disesuaikan dari Neuendorf dan Skalski (2009) dan LaBelle (2010)

DAPATAN KAJIAN

Kajian ini menghasilkan dua dapatan utama, pertama struktur Tipologi Protokol Pemilihan Karya (TPPK) sastra Kadazandusun dan kedua, senarai indikator dan sub-indikator kontekstual pemilihan karya sastra Kadazandusun.

Tipologi Protokol Pemilihan Karya (TPPK) Sastra Kadazandusun

Model Pemilihan Karya Sastra untuk pembelajaran Bidang Estetika (BE) bahasa Kadazandusun sekolah peringkat menengah atas terdiri dari dua bahagian. Pertama, kriteria pemilihan karya sastra, dan kedua, prosedur analisis kandungan karya sastra. Kriteria pemilihan karya sastra dibangun dari enam (6) indikator yang merangkumi bahasa, sastra, guru, pelajar, kurikulum dan budaya masyarakat. Keseluruhan enam indikator itu didukung oleh 133 sub-indikator. Dalam proses analisis dan interpretasi kesesuaian karya sebagai bahan pembelajaran BE bahasa Kadazandusun, indikator dan sub indikator digunakan sebagai kriteria pemilihan karya. Analisis kandungan karya dijalankan dengan mengesan paparan dalam karya sastra yang sepadan dengan indikator menerusi sub indikator (LaBelle, 2010). Berikut adalah TPPK sastra Kadazandusun.

Jadual 3: Indikator dan Sub-Indikator TPPK

Bil	Tema (Indikator)	Sub-tema (Sub-Indikator)
1	Bahasa	<p>Ciri Umum (43.75% ÷ 7 item = 6.25%)</p> <ol style="list-style-type: none"> Kadazandusun: Dialek Bundu, Liwan, Tangaa', Dusunik, Paitanik, Murutik Pertuturan tulen, gaya bahasa etnik Kaya kosakata, tatabahasa Baku, sesuai genre Sopan, berdiplomasi Mudah dibaca, mudah difahami, pragmatik Memperkembang kemahiran 4M (mendengar, bertutur, membaca, menulis) <p>Ciri Khusus (56.25% ÷ 9 item = 6.25%) Menyentuh pancaindera</p> <ol style="list-style-type: none"> Pendengaran Penglihatan Perasaan Emosi Linguistik Fonologi Morfologi Sintaksis Semantik Sosiolinguistik
2	Sastra	<p>Ciri Umum – Prosa (35% ÷ 7 item = 5%) Puisi (30.4% ÷ 7 item = 4.3%)</p> <ol style="list-style-type: none"> Puisi dan prosa – tradisional dan moden Tangan, sundait, Tudodoi, sudawil, kiaton, tukadan, hiis Nilai estetika etnik dalam pemikiran, persuratan, nasihat, sindiran, luahan, pengalaman, gembira, marah, humor Sumber: buku teks, audio-visual, alih bahasa, IT, media, majalah, buku, jurnal, surat khabar, bahan lakonan, forum, debat Sesuai PdPc, diperakui KPM, dipilih berdasarkan kaedah Karya asli, terbaru, terdapat, mudah diperolehi, sesuai jangkamasa pembelajaran Memberi motivasi, semangat, membuka fikiran, memperkaya pengetahuan, membentuk kemahiran insaniah, membimbing penulisan, mengenal pengarang Memapar kehidupan, alam, realiti, idea, berguna, mengungkap fikiran, imajinasi, fantasi, tidak ngeri <p>Ciri Khusus Prosa: 65% ÷ 13 item = 5% Intrinsik –</p> <ol style="list-style-type: none"> Tema Amanat Watak dan perwatakan Persoalan Alur Latar Persekitaran Sudut pandang <p>Ekstrinsik –</p> <ol style="list-style-type: none"> Biografi Psikologi Pandangan hidup Nilai-nilai murni Pengajaran <p>Ciri Khusus: Puisi: 69.6% - 16 item = 4.3% Struktur Fizik – Diksi:</p> <ol style="list-style-type: none"> Denotatif Konotatif Ambiguiti Homonym Asosiasi Pengimajian Perspektif Tifografi <p>Verifikasi –</p> <ol style="list-style-type: none"> Rima (musikalisasi orkestra) Ritma (pertentangan bunyi, tinggi rendah, panjang pendek, kuat senyap) Metrum (perulangan kata: statis, irama tetap) Majas – Lambang Metafora Struktur Batin – Tema Nada (suasana, perasaan) Amanat
3	Guru	<p>Realiti Semasa (2021)</p> <ol style="list-style-type: none"> Latar opsyen bukan bahasa Kadazandusun: Major geografi, sejarah, matematik, bahasa Melayu, sains, bahasa Inggeris

2. Mengikuti kursus pendek pengajaran bahasa Kadazandusun Jabatan Pendidikan Negeri Sabah dan IPG.

Ciri Umum: Prosa (23.5% ÷ 4 item = 5.9%)

Puisi (20% ÷ 4 item = 5%)

1. Mencipta situasi berbahasa, berkomunikasi, menggunakan bahasa bermakna, bertatabahasa, bersosial
2. Mampu menilai karya untuk bahan PdPc
3. Mengenal keperluan multi-dimensi PdPc - ketepatan bahan pembelajaran, perancangan, aktiviti, pentaksiran, penyoalan, refleksi, gaya bahasa sastra
4. Pengetahuan sastra PdPc, simulasi, demonstrasi

Ciri Khusus: Prosa (76.5% ÷ 13 item = 5.9%)

Puisi (80% ÷ 16 item = 5%)

1. Mendedahkan aspek batin (ekstrinsik) dan fizikal (intrinsik) karya sastra dalam PdPc (rujuk ciri khusus sastra)

4 Pelajar

Ciri Umum (45.8% ÷ 11 item = 4.2%)

1. Tingkatan IV dan V, berumur 16-18 tahun
2. Penutur dialek Bundu, Liwan, Tangaa', Dusunik, Murutik, Paitanik, bukan berketurunan Kadazandusun
3. Berkomunikasi, bertutur, mengungkap pengetahuan, pengalaman, identiti diri
4. Terlibat aktif PdPc, memperbaiki diksi pengucapan
5. Menulis kreatif, mengekspresi etika, estetika
6. Menyukai karya tentang hobi, etnik, kewarganegaraan
7. Berminat mengembang minda, mengkaji, menulis
8. Menyukai karya tentang budayanya, persepsi politik, ekonomi, kemasyarakatan
9. Menyukai kisah cinta, romantik, remaja, gembira, pengembaraan, fiksi sains, misteri, seram, rasa harmoni, impian masa hadapan
10. Tertarik cerita, teladan hidup positif
11. Mengenal cara hidup lama

Ciri Khusus (54.2% ÷ 13 item = 4.2%)

Menduduki Peperiksaan SPM: Menilai dan mengulas -

1. Mesej 2. Pengajaran 3. Nilai kemanusiaan
 4. Kemasyarakatan 5. Kebudayaan
 5. Menaakul-
 6. Tema 7. Pemikiran
 - Membezakan-
 8. Puisi moden 9. Puisi tradisional
 - Memahami istilah-istilah karya -
 10. Prosa 11. Puisi 12. Binaan karya 13. Teknik plot
-

5 Kurikulum

Realiti Semasa (2021)

1. Senarai karya cadangan untuk PdPc belum ada

Ciri Umum (75% ÷ 6 item = 12.5%)

1. Membentuk karakter, toleransi, hormat, sopan santun, rasional, bijaksana
2. Menerap nilai murni, pengajaran dan pendidikan
3. Karya sesuai objektif pembelajaran, moral, Rukun Negara dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan
4. Karya membentuk insan seimbang - intelek, rohani, emosi dan jasmani, patriotik, percaya dan patuh kepada Tuhan
5. Menerap sikap positif ke atas pengetahuan, pembelajaran, peranan dan hubungan guru dengan pelajar
6. Membentuk warganegara berilmu, bertanggungjawab, berakhlak mulia, berbakti kepada keluarga, masyarakat, negara, mencipta keamanan, kedamaian dan perpaduan

Ciri Khusus (25% ÷ 2 item = 12.5%)

1. Memuat elemen KBAT (Kemahiran Berfikir ArasTinggi)
2. Menerapkan elemen didik hibur

6 Budaya Masyarakat

Ciri Umum (15.4% ÷ 2 item = 7.7%)

1. Etnik Sabah, identiti Kadazandusun
2. Kisah keluarga, masyarakat dan negara

Ciri Khusus (84.6% ÷ 11 item = 7.7%)

1. Ritual padi, mistik Kinabalu, legenda Nunuk Ragang, adat, Sogit Anak Negeri Sabah
 2. Bobolian – amalan rohani tradisional
 3. Realiti sosial, politik, sejarah, budaya, pemikiran, pandangandunia, aspirasi, kearifan, cara hdiup, persekitaran setempat, pribumi Sabah, flora dan fauna, landskap fizikal
 4. 'System of ideas', 'world view', 'system of values' atau 'ethos'
 5. Sejarah – tokoh dan tempat
 6. Petempatan, biogeografi perubatan, gastronomi (kekayaan sumber dan bahan hidangan tradisi), geomorfologi (sains tanahdan bumi), orografi (bentuk muka bumi), ilmu cuaca dan iklim
 7. Kesenian tradisi nyanyian, tarian, alat muzik, gong, kraftangan
 8. Isu semasa, kehidupan kuno, cara hidup positif
 9. Gender: Nilai dan sikap dalam masyarakat
 10. Global: Kadazandusun dalam konteks global
 11. Reaksi perubahan evolusi, drastik
-

Dalam enam (6) indikator struktur TPPK di atas, hanya lima (5) indikator dipadankan dengan analisis karya sastera untuk pembelajaran BE bahasa Kadazandusun. Lima (5) indikator itu terdiri daripada bahasa, sastera, pelajar, kurikulum dan budaya masyarakat. Indikator guru tidak diambil kira dalam analisis kandungan karya kerana secara tersirat guru adalah pelaksana indikator bahasa, sastera, pelajar, kurikulum dan budaya masyarakat dalam Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). Indikator dan sub-indikator guru dicantumkan dalam TPPK untuk pengukuran kompetensi guru di sekolah dalam pengajaran bahasa menggunakan karya sastera. Analisis kandungan karya sastera tidak melibatkan pengukuran kompetensi guru dalam pengajaran di sekolah. Indikator guru digunakan pihak pengurusan sekolah untuk mengenal pasti sejauh mana guru yang ditugaskan mengajar bahasa Kadazandusun berkemampuan menggunakan karya sastera dalam pengajaran BE bahasa Kadazandusun.

Kriteria Pemilihan Karya Sastera

Kriteria pemilihan karya sastera yang disusun disebut sebagai Tipologi Protokol Pemilihan Karya (TPPK). Tipologi ini terdiri daripada enam (6) indikator yang merangkumi bahasa, sastera, guru, pelajar, kurikulum dan budaya masyarakat yang didukung 133 sub-indikator. Dalam indikator bahasa, terdapat 16 sub-indikator, dalam indikator sastera terdapat 36 sub-indikator, dalam indikator guru terdapat 35 sub-indikator, dalam indikator pelajar terdapat 24 sub-indikator, dalam indikator kurikulum terdapat sembilan (9) sub-indikator, dan dalam indikator budaya masyarakat terdapat 13 sub-indikator.

Sub indikator bagi setiap indikator dikategorikan ke dalam senarai realiti semasa, ciri umum, ciri khusus prosa dan ciri khusus puisi. Dalam indikator bahasa, 16 sub-indikator merangkumi tujuh (7) ciri umum dan sembilan (9) ciri khusus. Dalam indikator sastera, 36 sub-indikator merangkumi tujuh (7) ciri umum, 13 ciri khusus prosa dan 16 ciri khusus puisi. Dalam

indikator guru, 35 sub-indikator merangkumi dua (2) realiti semasa, empat (4) ciri umum, 13 ciri khusus prosa dan 16 ciri khusus puisi. Dalam indikator pelajar, 24 sub-indikator merangkumi 11 ciri umum dan 13 ciri khusus. Dalam indikator kurikulum, sembilan (9) sub-indikator merangkumi satu (1) realiti semasa, enam (6) ciri umum dan dua (2) ciri khusus. Dalam indikator budaya masyarakat, 13 sub-indikator merangkumi dua (2) ciri umum dan 11 ciri khusus. Berikut dipaparkan juga bilangan sub-indikator dalam kategori realiti semasa, ciri umum, ciri khusus prosa dan ciri khusus puisi enam indikator pemilihan karya sastera Kadazandusun.

Kategori-kategori sub-indikator setiap indikator akan digunakan untuk mengesan paparan indikator dalam karya sastera. Setiap sub-indikator seperti yang disenaraikan dalam TPPK berikut ini mewakili satu (1) frekuensi pengesanan indikator dalam karya. Peratusan pengesanan setiap kategori sub-indikator dikira berdasarkan peratusan keseluruhan sub-indikator dalam setiap indikator. Kategori, bilangan dan peratusan sub-indikator dalam setiap indikator TPPK yang dipaparkan di atas, diperturunkan semula dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 4: Kategori Sub-Indikator dan Frekuensi Indikator TPPK

Indikator	Kategori Sub-Indikator dan Frekuensi				Jumlah Sub-Indikator	
	Realiti Semasa	Ciri Umum		Ciri Khusus		
		Prosa	Puisi	Prosa		Puisi
1. Bahasa	-	7		9	16	
2. Sastera	-	7	13	16	36	
3. Guru	2	4	13	16	35	
4. Pelajar	-	11		13	24	
5. Kurikulum	1	6		2	9	
6. Budaya Masyarakat	-	2		11	13	
Frekuensi	3	37	26	35	32	133

Prosedur Analisis Kandungan Karya Sastera Kadazandusun

Pelaksanaan analisis kandungan karya melibatkan proses membaca, melabel indikator dalam karya serta merumuskan frekuensi dan peratusan. Prosedur analisis dijalankan dalam tiga peringkat. Pertama, membaca semua maklumat teks dari bahagian ke bahagian. Kedua, melabel deskripsi sub-indikator setiap indikator dalam karya sastera. Ketiga, mengira frekuensi dan peratusan sub-indikator setiap indikator lalu merumus label deskripsi teks yang dikesan dalam karya (Nor Hashimah dan Rozaimah, 2008). Pada peringkat pertama, data-data sub-indikator setiap indikator yang dikesan dalam kandungan karya sastera dilabelkan untuk memudahkan rujukan. Proses pelabelan data korpus dijalankan untuk membuat pemadanan di antara indikator dengan kandungan karya sastera yang dianalisis (Nor Hashimah dan Rozaimah, 2008). Karya sastera Kadazandusun yang akan dianalisis menggunakan TPPK merangkumi genre puisi, cerpen dan novel dari khazanah kesusasteraan Kadazandusun serta buku teks bahasa Kadazandusun KSSM Tingkatan IV (DBP, 2019).

Analisis Kandungan Karya

Analisis kandungan karya menggunakan TPPK dijalankan dengan mengesan lima indikator menerusi 98 sub-indikator (133 – 35 sub-indikator guru = 98) dalam karya. Setiap sub-indikator yang dikesan dalam karya dikira sebagai satu (1) frekuensi. Proses analisis kandungan karya melibatkan pengesanan sub-indikator tiga kategori iaitu realiti semasa, ciri umum dan ciri khusus. Kategori realiti semasa tidak dimasukkan dalam kiraan frekuensi dan peratusan. Sub indikator dalam realiti semasa adalah sekadar memberi pengkaji pengetahuan awal tentang suatu indikator. Manakala pengesanan sub indikator dalam kategori ciri umum dijalankan setelah pembacaan dilakukan dari awal sampai akhir. Pengesanan sub indikator dalam kategori ciri khusus dijalankan dalam pembacaan berikutnya, iaitu dari ayat ke ayat dan dari perenggan ke perenggan.

Dalam indikator bahasa, ciri umum terdiri daripada tujuh (7) frekuensi dengan peratusan 6.25% setiap sub-indikator. Ciri khusus terdiri dari sembilan (9) frekuensi dengan peratusan 6.25% setiap sub-indikator. Dalam indikator sastera, ciri umum prosa terdiri daripada tujuh (7) frekuensi dengan peratusan 5% setiap sub-indikator. Ciri umum puisi terdiri daripada tujuh (7) frekuensi dengan peratusan 4.3% setiap sub-indikator. Manakala ciri khusus prosa terdiri daripada 13 frekuensi dengan peratusan 5% setiap sub-indikator dan ciri khusus puisi ialah 16 frekuensi dengan peratusan 4.3% setiap sub-indikator.

Dalam indikator guru, dua sub-indikator dalam senarai realiti semasa tidak diambil kira dalam kiraan frekuensi dan analisis peratusan. Senarai dalam kategori realiti semasa hanya merupakan pengetahuan awal tentang indikator guru. Ciri umum prosa indikator guru adalah empat (4) frekuensi dengan peratusan 5.9% setiap sub-indikator. Ciri umum puisi ialah empat (4) frekuensi dengan peratusan 5% setiap sub-indikator. Ciri khusus puisi ialah 13 frekuensi dengan peratusan 5.9% setiap sub-indikator dan ciri khusus puisi ialah 16 frekuensi dengan peratusan 5% setiap sub-indikator.

Dalam indikator pelajar, ciri umum terdiri daripada 11 frekuensi dengan peratusan 4.2% setiap sub-indikator. Ciri khusus ialah 13 frekuensi dengan peratusan 4.2% setiap sub-indikator. Dalam indikator kurikulum, terdapat satu realiti semasa yang tidak dimasukkan dalam kiraan frekuensi dan peratusan. Ciri umum indikator kurikulum terdiri daripada enam (6) frekuensi dengan peratusan 12.5% setiap sub-indikator. Ciri khusus terdiri daripada dua (2) frekuensi dengan peratusan 12.5% setiap sub-indikator. Dalam indikator budaya masyarakat, ciri umum terdiri daripada dua (2) frekuensi dengan peratusan 7.7% setiap sub-indikator. Ciri khusus terdiri daripada 11 frekuensi dengan peratusan 7.7% setiap sub-indikator. Struktur analisis frekuensi dan peratusan indikator TPPK dalam karya sastera disusun dalam bentuk jadual seperti berikut:

Jadual 5: Analisis Frekuensi dan Peratusan Indikator TPPK Sastera

Indikator/ Analisis	Bahasa	Sastera	Guru	Pelajar	Kurikulum	Budaya Masyarakat
Frekuensi						
Peratusan						

Sumber: Disesuaikan dari Neuendorf, Kimberly A. dan Skalski, Paul D. (2009) dan Chua (2006)

Rumusan Analisis Kandungan Karya

Analisis kandungan karya sastera dikira berdasarkan frekuensi pengesanan indikator menerusi sub- indikator dalam kandungan karya sastera. Rumusan analisis kandungan karya dilakukan berdasarkan kiraan frekuensi dan kadar peratusan (Chua, 2006; Neuendorf dan Skalski, 2009; LaBelle, 2010; Sullivan, Gail M dan Artino Jr, Anthony R, 2013). Pengukuran kandungan karya sastera dijalankan dengan mengira frekuensi pengesanan sub-indikator TPPK dalam kandungan karya sastera dan kemudiannya mengira peratusan frekuensi pengesanan sub-indikator berdasarkan kadar peratusan setiap subindikator yang diberikan dalam TPPK. Paparan frekuensi dan peratusan dalam karya diukur dengan skala Tidak Berkenaan (0-34%), Tidak Memuaskan (35-44%), Kurang Memuaskan (45-54%), Memuaskan (55-64%), Baik (65-74%) dan Amat Baik (75-100%). Skala pengukuran ini disesuaikan dengan skala penilaian keberkesanan kandungan kursus Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyiPO, 2016) dan Struktur Penilaian Peperiksaan Universiti Malaysia Sabah (UMS, Pindaan Senat 2/2003). Kaedah pengukuran dijalankan mengikut jadual berikut:

Jadual 6: Skala Rumusan Analisis Frekuensi dan Peratusan Indikator TPPK Sastera

Indikator TPPK	Tajuk: Penulis: Genre: Penerbit: Tahun:					
	TB Tidak Berkenaan 0-34	1 Tidak Memuaskan 35-44	2 Kurang Memuaskan 45-54	3 Memuaskan 55-64	4 Baik 65-74	5 Amat Baik 75-100
Skala						
Bahasa						
Sastera						
Guru						
Pelajar						
Kurikulum						
Budaya						
Masyarakat						
Rumusan Kekuatan/Kelemahan:						

Sumber: Disesuaikan dari MyiPO (2016) dan Struktur Penilaian Peperiksaan UMS (Pindaan Senat 2/2003).

Kesesuaian Karya Sastera

Kesesuaian karya sastera sebagai bahan pembelajaran bahasa ditentukan oleh kandungan karya yang memaparkan secara tersurat dan tersirat keseluruhan indikator yang dinilai secara seimbang dan memuaskan (LaBelle, 2010). Hasil analisis suatu karya sastera dalam kajian ini dibuat dalam rumusan yang menyatakan kekuatan dan kelemahan karya sebagai bahan pembelajaran BE bahasa Kadazandusun sekolah peringkat menengah atas. LaBelle (2010) merumuskan bahawa karya sastera yang sesuai untuk pembelajaran bahasa ditentukan oleh kandungan karya yang memaparkan secara seimbang keseluruhan indikator baik secara tersurat mahupun tersirat dalam karya. Lazar (2011) menggunakan dua hujung eskstrem 'sesuai' dan 'tidak sesuai' untuk menentukan kesesuaian suatu teks sastera sebagai bahan pembelajaran bahasa. Bagaimanapun, kaedah itu membuat penilaian setiap indikator secara terpisah.

KESIMPULAN

Hasil analisis data-data naratif yang dirangkumkan menjadi TPPK dibangun dari 133 sub-indikator yang terangkum dalam indikator bahasa (16), sastera (36), guru (35), pelajar (24), kurikulum (9) dan budaya masyarakat (13). Pengkategorian yang dijalankan mewujudkan beberapa kategori baharu dalam setiap indikator. Kategori baharu itu terdiri daripada realiti semasa, ciri umum, ciri khusus prosa dan ciri khusus puisi. Berikut dipaparkan kategori-kategori sub-indikator setiap indikator yang akan digunakan untuk mengesan indikator dalam analisis kandungan karya.

Perincian sub-indikator dalam setiap indikator menunjukkan indikator bahasa terdiri daripada 16 sub-indikator yang merangkumi tujuh (7) ciri umum dan sembilan (9) ciri khusus. Indikator sastera terdiri daripada 36 sub-indikator yang merangkumi tujuh (7) ciri umum, 13 ciri khusus prosa dan 16 ciri khusus puisi. Indikator guru terdiri daripada 35 sub-indikator yang merangkumi dua (2) realiti semasa, empat (4) ciri umum, 13 ciri khusus prosa dan 16 ciri khusus puisi. Indikator pelajar terdiri daripada 24 sub-indikator yang merangkumi 11 ciri umum dan 13 ciri khusus. Indikator kurikulum terdiri daripada sembilan (9) sub-indikator yang merangkumi satu (1) realiti semasa, enam (6) ciri umum dan dua (2) ciri khusus. Indikator budaya masyarakat terdiri daripada 13 sub-indikator yang merangkumi dua (2) ciri umum dan 11 ciri khusus.

Hasil analisis yang telah dirangkum menjadi struktur Tipologi Protokol Pemilihan Karya (TPPK) sastera Kadazadusun menyerupai struktur model *Content Analysis of Ethnicity* (CAoE) namun ianya berbeza dalam aspek penyediaan kolom dan nama indikator serta sub indikator. Indikator dan sub indikator TPPK yang dibangunkan dari asas penggunaan karya sastera dalam pembelajaran pelbagai bahasa disesuaikan ke dalam konteks pembelajaran Bidang Estetika (BE) bahasa Kadazandusun. Penyesuaian konteks dilakukan dengan memasukkan data-data yang diperolehi dari kepustakaan khusus Kadazandusun dan temu bual guru-guru bahasa Kadazandusun sekolah peringkat menengah atas. Seterusnya struktur TPPK digunakan untuk menganalisis karya-karya sastera Kadazandusun untuk menentukan skala kesesuaian karya sebagai bahan pembelajaran BE bahasa Kadazandusun sekolah peringkat menengah atas.

Tipologi Protokol Pemilihan Karya (TPPK) sastera yang dihasilkan dalam kajian ini memberikan kaedah kontekstual untuk memilih bahan pembelajaran BE bahasa Kadazandusun sekolah peringkat menengah atas. Di samping itu, struktur TPPK dapat dijadikan rujukan pemilihan karya sastera untuk pembelajaran bahasa kebangsaan, bahasa antarabangsa dan bahasa-bahasa etnik lain. Penggunaan TPPK dalam analisis karya sastera Kadazandusun menunjukkan adanya perbezaan analisis di antara genre prosa dan genre puisi. Perbezaan analisis itu menandakan genre prosa dan genre puisi memiliki tempat yang saling melengkapi dalam pembelajaran bahasa. Indikator dan sub indikator analisis binaan intrinsik dan ekstrinsik karya prosa melibatkan elemen-elemen umum pengetahuan. Manakala indikator dan sub indikator analisis binaan intrinsik dan ekstrinsik puisi melibatkan elemen-elemen khusus tentang penggunaan bahasa dalam karya. Perbezaan elemen di antara genre prosa dan puisi memberikan petunjuk kukuh tentang penggunaan genre puisi dan prosa secara seimbang dalam pembelajaran bahasa.

RUJUKAN

- Amerian, Majid & Khaivar, Alimorad. (2014). Textbook Selection, Evaluation, and Adaptation Procedures. *International Journal of Language Learning and Applied Linguistics World*. 6. 523-533.
- Asmah Haji Omar. (1987). *Malay in its Sociocultural Context*. Selangor, Malaysia: Zizi Press Sdn. Bhd.
- Asmah Haji Omar. (2008). *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baker, C. 1996. *Foundations of Bilingual Education and Bilingualism (2nd edition)*. Clevedon: Multilingual Matters.
- Bousbai, Abdulaziz. (2014). *Techniques for Selecting and Evaluating English Language Literary Texts*. Dipetik dari <https://revues.univ-ouargla.dz/index.php/mumero-19-2013/1393> pada 7 April 2018.
- Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan IV Bahasa Kadazandusun. (2012). *Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia*.
- Huraian Sukatan Pelajaran Tingkatan V Bahasa Kadazandusun. (2012). *Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia*.
- Işıklı, C., & Tarakçıoğlu, A.Ö. (2017). Investigating problems of English literature teaching to EFL high school students in Turkey with focus on language proficiency. *Journal of Language and Linguistic Studies*, 13(2), 82-95.
- Jumil, Florina & Norjietta Julita Taisin. (2017). Nilai Pendidikan Dalam Tangon-Tangon Masyarakat Kadazandusun. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature* Jilid 8, 2017 / ISSN 1823-6812 (36-46).
- Kadazandusun Cultural Association. (2001). *Constitution and Rules*. Kota Kinabalu.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2004). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah – Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kumar, Shraavan. (2017). *Teaching Materials and Teaching Aids*. <https://www.researchgate.net/publication/318215081>. Dipetik pada 28 Jan 2019, 10.10am.
- LaBelle, Jeffrey. (2010). Selecting ELL Textbooks: A Content Analysis of Ethnicity Depicted in Illustrations and Writing. *Journal of Multiculturalism in Education*, Vol.6, No.2 (2010). Permalink. © 2010 West Texas A&M University.
- Lim Swee Tin. (2015). Sastera Etnik – Keterletakan dalam arus sastera perdana: Satu pandangan. *Seminar Sastera Etnik Momogunsia, Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sabah* 14 Feb 2015.
- Lokman Abdul Samad. (2008). Memperkasa dan Melestarikan Sastera Tradisi Sabah. *Dewan Sastera*, Oktober: 18-22.
- Low Kok On & Lee Yok Fee. (2012). Investigating the Relationship between Kadazandusun Beliefs about Paddy Spirits, Riddling in Harvest-time and Paddy-Related Sundait. *MALIM: SEA Journal of General Studies*. VOL. 13 ISSN 1511-8393 Julai 2012 <http://www.ukm.my/jmalim/>.
- Minah Sintian & Rosliah Kiting. (2016). *Tinimungan Tangon Kadazandusun*. Tanjong Malim dan Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Neuendorf, Kimberly A & Skalski, Paul D. (2009). *Quantitative content analysis and the measurement of collective identity*. DOI: 10.101/CB0978051180909.008 pg203 – 236. <https://www.researchgate.net/publication/278668301>.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. (2009). *Teori Bahasa: Implikasinya Terhadap Pengajaran Tatabahasa*. Tanjong Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nor Hashimah Isa & Che Ton Mahmud. (2012). *Literary Texts for Malaysian Secondary*

- Schools: Needs Versus Policy. *International Journal of Humanities and Social Science*, Vol. 2, No. 7: April 2012.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Rozaimah Rashidin. (2008). Rasuah Dalam Karya Sastra Melayu Klasik: Satu Analisis Semantik Kognitif. *Jurnal Bangi Jilid 3, Bilangan 3*, Januari – Disember 2008.
- Norsuhaila Sulaiman and Asmiaty Amat. (2019). Analisis kepercayaan etnik Kadazandusun Sabah dalam antologi Tangon. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 97 – 108.
- Perjanjian Perisytiharan Bahasa Kadazandusun Sebagai Bahasa Rasmi. (1995). *Perisytiharan Bersama KDCA dan USDA*. Kota Kinabalu, Sabah. 24 Januari.
- Ramzah Dambul. (2015). *Etnik Sabah: Melestarikan Kearifan Geografi Tempatan*. Dewan Sastra, Disember: 9-13.
- Ramzah Dambul. (2015). Sastra Etnik Sabah: Melestarikan Kearifan Geografi Tempatan. *Seminar Sastra Pelbagai Kaum*. Aswara(Kuala Lumpur), 7 April 2015.
- Rosliah Kiting, Rosy Talin & Saidatul Nornis Mahali. (2016). *Nilai Pendidikan Talaala Dan Impak Kepada Pembentukan Generasi Muda Kadazandusun*. JPBU Edisi Khas (2016) ISSN 1394-7176.
- Rosliah Kiting. (2013). Unsur-unsur Sejarah Dalam Sudawil (Pantun) Kadazandusun. *Seminar Pendidikan Sejarah dan Geografi 2013* (UMS, 29 – 30 Ogos 2013).
- Sansalu, D. (2008). *Kadazandusun Di Sabah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinti, Rusinah, Soince Bukut, Theobold Laudi & Joseph Nandu. (2017). *Bahasa Kadazandusun Tingkatan 4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sinti, Rusinah, Theobold Laudi & Lucy Ombou. (2015). *Bahasa Kadazandusun Tingkatan 5*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2013). Pemilihan Buku Teks Mata Pelajaran Kesusasteraan Melayu Berasaskan Teori Sosial dalam PENDETA – *Jurnal Bahasa dan Sastra*. Tanjung Malim: Fakulti Bahasa dan Komunikasi.
- Siti Khariah Mohd Zubir. (2016). *Pengajaran Komsas Berpusatkan Murid*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Smith, Karla J. (2003). Minority Language Education in Malaysia: Four Ethnic Communities' Experiences, *International Journal of Bilingual Education and Bilingualism*, 6:1, 52-65, DOI: 10.1080/13670050308667772.
- Teeuw, A. (1988). *Sastra dan Ilmu Sastra: Pengantar Teori Sastra*. Jakarta: Pustaka Jaya.
- Thomas, W.P. & Collier, V.P. (1997). *School Effectiveness for Language Minority Students. Series 9*. Washington, DC: National Clearinghouse for Bilingual Education, George Washington University.

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

² Fakulti Pendidikan dan Pengajian Sukan, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

*Corresponding author: hbating@ums.edu.my